



Ucapan Alu-Aluan

**Yang Mulia
Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu
Pengarah Urusan
Brunei Darussalam Central Bank (BDCB)**

Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri

Hari Selasa, 2 Rabiulawal 1447H bersamaan 26 Ogos 2025

Bismillahir Rahmaanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin, Wassalatu Wassalamu 'Ala Asy-rafil

Ambiya E'wal Mursalin, Sayyidina Muhammadin, Wa'ala Alihi

Wasahbihi Ajma'in

Yang Berhormat

Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia

Awang Mohammad Harris bin Brigadier Jeneral [Retired] Dato Paduka Haji Ibrahim

Timbalan Setiausaha Tetap [Perdagangan dan Industri], Kementerian Kewangan dan Ekonomi

Yang Mulia

Ahli-ahli Jawatankuasa Celik Kewangan Kebangsaan, Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan dan BDCB,

Para hadirin-hadirat dan para pelajar yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua kita dapat berkumpul bagi pelancaran Jerayawara Kesedaran Kewangan sempena Hari Celik Kewangan Kebangsaan 2025.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ke atas kehadiran tetamu-tetamu majlis pada pagi ini kerana sudi melapangkan masa untuk menghadiri acara yang penuh bermakna bagi Brunei Darussalam Central Bank (BDCB). Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak di atas segala sokongan dan kerjasama untuk menjayakan acara ini, khususnya rakan-rakan strategik dari Kementerian Pendidikan dan agensi-agensi yang terlibat termasuk ahli-ahli Jawatankuasa Hari Celik Kewangan Kebangsaan.
3. Di samping itu, kehadiran para pelajar pada pagi ini adalah amat penting kerana mereka adalah generasi pemimpin dan pencetus perubahan masa depan negara yang gemilang. Pendidikan kewangan adalah tonggak penting bagi celik kewangan dan hendaklah bermula pada usia muda. Dengan itu, saya berharap acara hari ini akan

memberi inspirasi kepada para pelajar untuk mengurus kewangan dengan lebih bijak agar dapat menikmati kelestarian urusan kewangan sesudah dewasa.

Para hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

4. Hari Celik Kewangan Kebangsaan merupakan satu wadah untuk menunjukkan komitmen bersama kita dalam tiga perkara iaitu:
 - Pertama, mempromosikan pengurusan kewangan yang bijak;
 - Kedua, meningkatkan kesedaran terhadap produk dan perkhidmatan kewangan yang tersedia di negara ini; dan
 - Ketiga, mempertingkatkan tahap kecelikan kewangan secara menyeluruh di kalangan rakyat Negara Brunei Darussalam.
5. Oleh itu, Hari Celik Kewangan Kebangsaan pada tahun ini, yang bertemakan “Bijak Kewangan, Selamat Secara Digital”, mengingatkan kita bahawa pemeraksanaan kewangan pada masa kini perlu digandingkan dengan kesedaran digital. Ia bukan sekadar mengetahui dan mempraktikkan pengurusan wang, tetapi juga memahami langkah-langkah untuk melindunginya, lebih-lebih lagi dalam dunia yang semakin beralih ke platform digital.
6. Ke arah ini, salah satu pencapaian penting yang akan disaksikan pada pagi ini adalah pelancaran rasmi *Usinwise*, jenama celik kewangan kebangsaan di bawah Majlis Kebangsaan Celik Kewangan. *Usinwise* melambangkan visi nasional yang dikongsi bersama, untuk membina masyarakat yang berpengetahuan dan berdaya tahan dari segi kewangan. Jenama ini akan menjadi satu platform yang menghubungkan rakyat Negara Brunei Darussalam dengan sumber pendidikan kewangan yang praktikal, mudah diakses, dipercayai dan bersesuaian dengan konteks tempatan kita. Orang ramai akan boleh meningkatkan tahap kesedaran kewangan mereka dengan lebih mendalam sama ada dalam menyimpan, mengurus belanjawan, melabur, merancang persaraan atau mempelajari cara melindungi diri secara dalam talian. Oleh yang demikian, inisiatif ini diharap akan dapat mengembangkan lagi pencapaian pendidikan kewangan rakyat negara untuk mendepani cabaran-cabaran kewangan dan seterusnya untuk menikmati taraf kehidupan yang selesa.

Para hadirin dan hadirat sekalian,

7. Saya berharap semoga para pelajar akan meraih pelbagai manfaat daripada jerayawara yang akan diadakan sepanjang dua hari ini. Pengurusan kewangan yang baik merupakan satu kemahiran hidup yang kritikal untuk mengelakkan bebanan kewangan pada usia dewasa.
8. Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan dan rakan-rakan strategik atas usaha, tenaga, dan kolaborasi yang dihulurkan untuk menjayakan Hari Celik Kewangan Kebangsaan pada tahun ini. Semoga segala usaha dan titik peluh semua pihak yang terlibat dalam mencorakkan masa hadapan negara diterima dan diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala jua.

Sekian.

Wabillahi taufik walhidayah,

Wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.